

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Penukaran Kod merupakan amalan pergerakan antara pelbagai variasi bahasa dalam konteks yang berlainan. Semua yang boleh bertutur, belajar atau mengetahui untuk melakukan penukaran kod berdasarkan situasi. Dalam konteks pendidikan, penukaran kod dikenali sebagai amalan pengalihan dari bahasa utama ke bahasa sekunder.([www.learnnc.org](http://www.learnnc.org))

#### **2.1 Rentetan Sejarah Penukaran Kod**

Pada tahun 1896, satu persengketaan utama di California yang membangkitkan Oakland Ebonics Resolution telah mengakui Bahasa Inggeris Vernakular Afrika Amerika (*AAL/African American Vernacular English (AAVE)* ) sebagai bahasa utama bagi pelajar-pelajar Afrika yang menetap di Amerika. Bahasa ini diperlukan untuk membantu pelajar dari daerah itu untuk memperoleh dan menguasai bahasa Inggeris yang standard.

Berdasarkan mandat ini sosiolinguistik mula memainkan peranan yang penting dalam usaha mengkaji bahasa Inggeris yang digunakan oleh orang berkulit hitam iaitu Bahasa Inggeris Vernakular Afrika Amerika (*AAL/African American Vernacular English (AAVE)*). Kajian dilakukan terhadap kemiripan dalam struktur dan tatabahasa kepada bahasa Inggeris yang standard. Berikutan dengan itu, banyak sekolah telah mencipta program-program untuk mengemukakan keperluan murid yang menggunakan dialek-

dialek ini dalam usaha mempermudah penerimaan “ Bahasa Inggeris Standard”(www.learnnc.org)

Pada tahun 1997, sekumpulan ibu bapa di Martin Luther King Elementary School telah menyaman Ann Arbor School District dengan menuntut bahawa anak -anak mereka tidak menerima peluang yang saksama kerana mereka tidak diajar untuk menggunakan bahasa Inggeris yang standard. Ann Arbor School District mengajar kanak-kanak mempelajari bahasa Inggeris yang standard menerusi bahasa Ibunda atau bahasa pertuturan di rumah ” (www.learnnc.org).

Tindakan pihak Ann Arbor School District ini membuktikan bahawa bantuan bahasa kedua amat diperlukan bagi mengajar sesuatu bahasa utama di sekolah kepada si penutur yang memiliki bahasa kedua sebagai bahasa ibundanya.

## **2.2 Penukaran Kod dari segi Perspektif Linguistik**

Fenomena penukaran kod telah menjadi satu bidang yang sering dikaji oleh ramai pengkaji dari luar mahupun dalam negara. Kajian dari segi Perspektif Linguistik mahupun sosiolinguistik sering dilakukan. Pengkaji-pengkaji luar seperti Timm (1978), Poplock (1980), Gumperz (1977), Myers-Scotton (1993), dan Holmes (2001) telah memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan kajian dalam bidang ini.

Carol Myers-Scotton dan William Ury (1977) telah mengenal pasti penukaran kod sebagai “penggunaan dua atau lebih kepelbagaian linguistik dalam perbualan atau situasi yang sama”.

Poplack (1980) yang mengemukakan kekangan Morfem Bebas (*Free Morpheme Constraint*) berpendapat bahawa penukaran kod menjadi gramatis apabila terdapat struktur penukaran ayat yang seimbang antara bahasa primer dengan bahasa sekunder. Penukaran terjadi apabila terdapat sekurang-kurangnya dua sistem tatabahasa yang berasingan dalam satu ayat. Maka, penukaran kod biasanya berlaku sekiranya seseorang penutur menggunakan dua bahasa secara selangseli dalam komunikasi. Kesimpulannya pertindihan tatabahasa antara bahasa primier dan bahasa sekunder menghasilkan penukaran kod. Keadaan ini disebut sebagai intra ayat. Ini bermaksud seseorang penutur mampu menggabungkan susunan dua bahasa dalam satu ayat.

Pendapat poplack juga mempunyai banyak persamaan dengan pendapat Bokamba (1988:24). Beliau yang turut menggunakan pendekatan linguistik dalam mengkaji fenomena penularan kod, menjelaskan bahawa penukaran kod bermaksud penggunaan pelbagai unit tatabahasa seperti imbuhan, kata, frasa, dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat. Pada pandangan beliau pengintegrasian pertuturan dalam satu ayat membawa kepada penghasilan Penukaran Kod.

Bokamba (1988:51), mencadangkan langkah-langkah seperti menentukan struktur dalaman bahasa primier, memilih dan menyisipkan elemen-elemen leksikal yang berpadanan, menggunakan peraturan fonologi dan morfologi, membandingkan sintaksis bahasa primer dan bahasa sekunder untuk menentukan persamaan bentuk dan dasarnya, menggunakan peraturan sintaksis yang relevan dan menggunakan peraturan transformasi bahasa primer dan bahasa sekunder apabila klausa berpadanan diperlukan untuk pembinaan ayat yang bertukar kod.

### **2.3 Penukaran Kod dari Aspek Sociolinguistik.**

Perkataan Sociolinguistik terbentuk daripada gabungan perkataan sosio dan linguistik, Bidang ini adalah ilmu paduan dua bidang yang berlainan iaitu sosiologi dan linguistik. Perkara yang diberi keutamaan dalam bidang ini adalah masyarakat dan bahasa.. Kita boleh mengatakan bahawa sociolinguistik adalah ilmu interdisiplineri yang membincangkan dan menyusun teori-teori tentang perhubungan antara masyarakat dan bahasa.

Bidang Sociolinguistik menjadi dasar kepada kajian-kajian mengenai penukaran dan pembauran kod. Menurut Marasigan, E (1983) kajian penukaran kod dari perspektif sociolinguistik bertunjangkan kepada kajian terhadap pilihan bahasa yang berkaitan dengan faktor sosial iaitu domain seperti rumah, keluarga, sekolah, tempat kerja, persahabatan dan sebagainya.

Holmes (2001) berpendapat bahawa pembinaan teori penukaran kod menjadi matlamat utama kajian terhadap penukaran kod menggunakan pendekatan sociolinguistik. Keadaan akan membolehkan para pengkaji meramal keadaan penukaran kod yang akan dilakukan oleh penutur dalam sesuatu ujaran. Bagi beliau penukaran kod tidak berlaku secara rambang malah ia berlaku berdasarkan aturan yang ditetapkan.

Bloom dan Gumperz (1972), mengatakan bahawa penukaran kod dalam konteks sociolinguistik mencerminkan perubahan situasi penutur. Mereka yang mengkaji pengajaran di bilik darjah mendapati guru menggunakan bahasa standard sewaktu aktiviti pengajaran dan menggunakan bahasa bukan standard apabila menggalakkan

perbincangan terbuka tentang topik yang diajar dalam kalangan pelajar. Mereka menyimpulkan penukaran kod sebagai penukaran kod situasi.

#### **2.4 Kajian Luar Negara**

Carol Myers-Scotton (1993), mendefinisikan penukaran sebagai tidak lebih daripada satu fenomena perlakuan bahasa yang merangkumi penggunaan dua atau lebih ragam bahasa. Menurutnya penukaran ini boleh berlaku dalam dua bentuk sama ada dalam ayat (*intrasentencial*) atau antara ayat (*intersentencial*). Beliau yang memperkenalkan *Markedness model* berpendapat bahawa pengguna bahasa bersikap rasional dalam memilih bahasa yang mudah dan tepat menyatakan hak dan kewajipan kepada pendengar. Apabila tidak memiliki pilihan perbendaharaan kata yang sesuai maka mereka bertindak untuk mengalih kod. Namun ramai ahli sosiolinguistik menyangkal pendapat ini.

Kachru (1978 : 28), berpendapat bahawa terdapat perbezaan penukaran kod dan percampuran kod. Beliau berpendapat bahawa penukaran kod adalah fenomena ayat dan percampuran kod adalah fenomena antara ayat.

Manakala Carol Myers Scotton dan William Ury berpendapat bahawa, penukaran kod adalah penggunaan dua ragam linguistik atau lebih dalam perbualan atau interaksi yang sama. Alihan ini melibatkan sepatah atau lebih ragam yang mungkin boleh terdiri daripada dua bahasa yang tidak ada hubungan secara genetik sehinggalah sampai kepada dua gaya bahasa yang sama.

Hudson (1980:56), berpendapat bahawa penukaran adalah gangguan lebih dari satu ragam bahasa oleh penutur dalam perlakuan berbahasa.

Grosjean (1982), berpendapat bahawa penukaran kod merupakan penggunaan bahasa pengganti dalam sesuatu perbincangan. Tambah beliau lagi *kod switching* tidak hanya terhad pada pengguna dua bahasa sahaja malah ia boleh melibatkan lebih dari dua bahasa. Ia boleh dilakukan oleh penutur solo atau penutur dan pendengar yang menjadi peserta perbincangan.

Pascasio (1978), menerangkan enam faktor sosiobudaya yang mempengaruhi kepada penukaran kod. Ianya adalah perhubungan antara lawan - sapa, umur, jantina, topik dan fungsi pertuturan. Dapatan ini dilakukan dalam kajiannya *Dynamics of Code Switching in Business Domain*. Dalam kajian ini beliau telah mengkaji keberkesanan penukaran kod dalam perniagaan. Lokasinya ialah beberapa syarikat yang terdapat sekitar Manila, Filipina. Kajian ini bermatlamatkan untuk mengena lpasti aspek-aspek sosiobudaya yang menyebabkan berlakunya penukaran kod.

Marasigan, E (1983), telah melakukan kajian terhadap kanak-kanak dan beberapa orang dewasa di kampus Metro, Manila. Kajian sosiolinguistik ini bertujuan untuk mendapatkan data menerusi sumber lisan dan bertulis. Pengumpulan data lisan dilakukan melalui rakaman perbualan yang dilakukan secara rambang ke atas kanak-kanak dan dewasa manakala data bagi sumber bertulis diambil melalui penulisan karangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor sosiobudaya penutur seperti umur, jantina pekerjaan, peranan dan perhubungan, topik, *setting* atau latar,

tujuan dan kesan, sikap, nilai, tindakbalas pendengar dan emosi individu mempengaruhi penukaran kod.

Jacobson (1993), berpendapat bahawa jarang-jarang manusia atau masyarakat menggunakan satu bahasa sahaja dalam dunia moden. Sekiranya ia berlaku sudah semestinya masyarakat itu terencil di dunia ini.

#### **2.4.1 Percampuran Kod**

Poplack (1980), menjelaskan bahawa percampuran kod biasanya berlaku di satu titik dalam satu ayat. Titik percampuran kod berada dalam lingkungan struktur permukaan dua bahasa yang dipadankan bersama-sama. Contohnya orang yang sedang bercakap dalam bahasa Tamil akan memasukkan unsur-unsur bahasa Inggeris dalam rentetan ayatnya. Ini kerana penutur beranggapan bahawa pendengar fasih dalam kedua-dua bahasa sepertinya.

Menurut Valdes-Falls (1978), percampuran kod boleh didefinisikan sebagai penggunaan dua bahasa secara berselang-seli; hal ini terjadi pada peringkat kata, frasa, klausa, atau ayat. Menurut beliau, yang pentingnya adalah item-item yang diperkenalkan oleh penutur yang dwibahasa itu tidak memungkinkan asimilasi sepenuhnya. Beliau memberikan sedikit contoh percampuran kod yang melibatkan frasa dan klausa dari bahasa Spain ke bahasa Inggeris dan sebaliknya. Daripada contohnya dapat dirumuskan bahawa percampuran kod melibatkan sekurangnya satu patah perkataan dari bahasa asing disertakan dalam bahasa semasa. Pada ketika ini

penyertaan satu patah kata dari bahasa lain ke bahasa penerima telah menjadi satu kebiasaan.

Saktivel, Su, (1984), mengatakan bahawa pertalian antara bahasa merupakan satu fenomena yang tidak boleh dielakkan. Menurut beliau lagi, setiap bahasa di dunia ini mempunyai istilah-istilah yang telah dipinjam dari bahasa lain. Ini disebabkan tiada negara di dunia ini yang boleh membangun tanpa perhubungan negara lain. Adakalanya peminjaman istilah atau percampuran kod perlu apabila kita menggunakan barangan yang bukan milik kita sendiri. Maka terpaksa dipinjam istilah bahasa asing bagi menerangkan barangan tersebut.

## **2.5 Kajian – kajian lepas dalam negeri**

Menurut David (2003), dalam artikelnya, '*Markers of Ethnic Identity*', penukaran kod dalam kalangan masyarakat Tamil berlaku berikutan wujudnya pelbagai bahasa dalam suasana hidup mereka. Beliau menjelaskan bahawa masyarakat Tamil mula beralih ke satu bahasa yang baru yang berlainan dengan bahasa Tamil tulen. Kebanyakan orang Tamil terutamanya golongan muda-mudi cenderung untuk mencampuradukkan ketiga-tiga bahasa dalam komunikasi mereka iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil.

Gan Kheng Leong (2000), dalam kajiannya membincangkan bagaimana faktor sosio budaya dan fungsi penukaran kod mempengaruhi penutur dalam menggunakan pengalihan kod sebagai satu strategi komunikasi yang berkesan.

Menurut Asmah (1982), konteks atau situasi merupakan salah satu faktor yang menentukan berlakunya percampuran kod dan penukaran kod. Penukaran kod atau percampuran bahasa sering wujud dalam kalangan pengguna-pengguna bahasa yang berasal dari komuniti bilingual atau berpolilingual seperti di Malaysia.

Gan Khen Leong (2000), memberi kesimpulan bahawa faktor sosiobudaya mempengaruhi penutur untuk menukar kod dalam pertuturan mereka. Penukaran kod ini digunakan sebagai satu strategi komunikasi yang berkesan. Hal ini diutarakan oleh beliau dalam kajiannya mengenai strategi penukaran kod dalam kalangan guru-guru berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina.

### **2.5.1 Penukaran kod**

Menurut Wong Khek Seng (1987), istilah penukaran kod atau pengalihan kod dan pencampuran kod itu tidak mempunyai perbezaan. Selepas memerhatikan maksud yang diberikan oleh dan Hudson (1980:56) berpendapat bahawa pengalihan kod melibatkan penukaran daripada satu ragam bahasa kepada satu ragam bahasa yang lain dan penukaran tersebut dipengaruhi oleh faktor situasi dan masa.

Suthanthiradevi (2001), pula berpendapat bahawa penukaran kod tidak lari daripada istilah-istilah seperti percampuran kod (*code-mixing*), perubahan kod (*code-alteration*),

percampuran bahasa (*language mixing*) dan perpindahan kod (*code-shifting*). Beliau mendapati istilah-istilah ini muncul secara tekal dalam perpustakaan profesional dan para sarjana jarang bersetuju mana yang harus digunakan dan bila waktunya.

Pengkaji tempatan Kang Choo Bee (2001), yang melakukan kajian tentang pegalihan kod dan percampuran kod dalam komuniti Cina peranakan Kelantan berpendapat bahawa penukaran kod melibatkan pertukaran bahasa dalam keseluruhan ayat yang telah digantikan dengan kod (bahasa) yang baru.

### **2.5.2 Pembauran Kod**

Menurut Kamus Dewan (2002), perkataan baur bermaksud ‘campur aduk atau menambah sesuatu supaya bercampur’. Berdasarkan penjelasan ini perkataan pembauran boleh di samakan dengan perkataan percampuran. Maka percampuran kod boleh juga disebut sebagai pembauran kod. Istilah ini kurang dikaji oleh pengkaji. Namun terdapat perbezaan antara penukaran kod dan pembauran kod.

Eyamba G. Bokamba (1988:21-60), mendefinisikan pembauran kod sebagai sesuatu yang menjadi alternasi dalam suatu kalimat. Manakala penukaran kod adalah alternasi pada peringkat yang melampaui batas.

Pengkaji tempatan Kang Choo Bee (2001), berpendapat bahawa terdapat perbezaan antara penukaran kod dan pembauran kod. Bagi beliau pembauran kod terhasil daripada pertembungan lebih dari dua linguistik. Dalam pertembungan ini bahasa natif berperanan

sebagai penyerap dan telah menyerap semua bahasa yang dipinjam daripada bahasa lain serta menatiskan perkataan yang dipinjam. Kod-kod tersebut mesti wujud dalam satu ayat sama dalam satu ujaran.

Maka berdasarkan pendapat Kang Choo Bee (2001), yang berbunyi,

*“penukaran kod melibatkan pertukaran bahasa dalam keseluruhan ayat yang telah digantikan dengan bahasa yang baru dan pembauran kod terhasil daripada pertembungan lebih dari dua linguistik. Dalam pertembungan ini bahasa natif berperanan sebagai penyerap dan telah menyerap semua bahasa lain serta menatiskan perkataan Kod-kod tersebut mesti wujud dalam satu ayat sama dalam satu ujaran.”*

Pengkaji akan menggunakan istilah penukaran kod bagi pertukaran bahasa yang berlaku pada peringkat ayat dan istilah pembauran akan digunakan bagi pertukaran bahasa pada peringkat kata dan frasa.

## **2.6 Pertembungan Bahasa dan Peminjaman**

Tinjauan definisi tentang peminjaman dan pertembungan bahasa secara umum ini dibuat dengan tujuan memberikan sedikit latar belakang kepada perbincangan tentang Fenomena Penukaran Kod. Dalam bidang linguistik kajian tentang peminjaman dimasukkan dalam pertembungan bahasa. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pertembungan bahasa bukannya asing bagi masyarakat bilingual dan multilingual .

Menurut Hartmann dan Stort (1972), perhubungan antara pengguna bahasa-bahasa yang berbeza menyebabkan bahasa-bahasa itu saling mempengaruhi antara satu sama lain. Pertembungan bahasa ini dicirikan oleh kedwibahasaan, peminjaman dan perubahan bahasa. Keadaan ini disebabkan oleh pembelajaran secara langsung, penterjemahan dan pengajaran bahasa.

Sesetengah ahli bahasa menganggap pertembungan bahasa ini sebagai satu aspek pertembungan budaya manakala peminjaman pula dianggap sebagai satu contoh penyerapan budaya. Pandangan ini diterima oleh Sapir (1921) dan Haugen (1953). Sapir (1921) menyatakan bahawa walau apapun darjah atau ciri perhubungan antara kumpulan budaya, bahasa itu akan saling mempengaruhi.

Haugen (1953) menggunakan istilah *linguistic diffusion* atau peresapan bahasa untuk peminjaman. Menurut Haugen (1953) pinjaman jenis apa sekalipun boleh dianalisis dan dihuraikan dengan sejauh manakah perkataan-perkataan pinjaman itu mengalami perubahan bentuk melalui penggantian kebiasaan natif. Dengan itu semua jenis peminjaman mungkin boleh dibahagikan kepada dua jenis yang bertentangan sifatnya, iaitu pengimportan (*importation*) dan penggantian (*substitution*) sepenuhnya.

Bloomfield (1969), membahagikan peminjaman kepada peminjaman budaya, peminjaman intimate dan peminjaman dialek. Peminjaman budaya berlaku apabila sempadan setiap komuniti bahasa berhubungan dengan sempadan geografi dan politik. Peminjaman dianggap *intimate* apabila kedua-dua bahasa yang terlibat digunakan dalam domain

politik yang sama. Peminjaman dialek merupakan pengambilan ciri linguistik daripada kawasan pertuturan yang sama.

Thilagawati (1997) menyatakan bahawa jika dua kumpulan etnik yang mempunyai bahasa ibunda yang berlainan dan menetap di sesuatu tempat dan bagi satu jangka masa yang panjang akan mengalami pertembungan bahasa. Jika dua bahasa yang berbeza digunakan dalam situasi yang sama maka perkataan-perkataan daripada satu bahasa akan meresap masuk ke dalam satu bahasa yang lain. Perkataan-perkataan daripada kedua-dua bahasa itu akan dicampuradukan bagi tujuan komunikasi yang lebih berkesan dan lebih lancar.

## **2.7 Asal Usul Penukaran Kod dan Perkembangannya di Malaysia**

Penukaran Kod atau *code switching* merupakan amalan mencampuradukkan bahasa-bahasa sewaktu bertutur. Konsep ini berbeza daripada konsep bi-lingualism atau multilinguism yang bererti menguasai dua atau beberapa bahasa.

Amalan pihak pemerintah yang mendorong masyarakatnya menguasai bahasa asing khususnya bahasa Inggeris yang merupakan bahasa antarabangsa dan juga bahasa ekonomi, sains dan teknologi telah mendorong rakyatnya untuk bertutur bahasa Inggeris dan bahasa lain. Walaupun penguasaan pelbagai bahasa diperlukan untuk komunikasi sejagat tetapi ia bukan sesuatu yang mudah dicapai oleh semua orang.

Berdasarkan pernyataan di atas ramai orang telah mencuba-cuba sedaya upaya untuk menguasai bahasa-bahasa asing khususnya bahasa Inggeris tetapi hanya sebilangan kecil

sahaja telah berjaya. Maka penutur mula meminjam satu dua patah perkataan bahasa asing khususnya bahasa Inggeris dalam perbualan mereka bersama bahasa utama mereka. Maka boleh dikatakan di sinilah bermulanya titik tolak bagi amalan penukaran kod.

### **2.7.1 Penukaran Kod dalam Interaksi**

Menurut Paramasivam. M (2005), Penukaran Kod sudah lama berleluasa dalam masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat India khususnya. Penutur Tamil cenderung untuk menyelitkan perkataan, rangkai kata dari bahasa - bahasa lain yang terdapat di Malaysia dalam pertuturan mereka. Amalan ini lebih kerap berlaku dalam situasi tidak formal seperti perbualan antara ahli-ahli keluarga di rumah, perbualan antara rakan -rakan sebaya dan perbualan di tempat-tempat awam.

Walaupun begitu, amalan percampuran dan pengalihan kod turut berlaku dalam situasi formal seperti dalam mesyuarat jabatan dan sidang media yang melibatkan orang kenamaan. Kini fenomena ini juga telah menular dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Marimuthu,2010)

### **2.7.2 Penukaran Kod dalam Pendidikan**

Ong (1990) yang mengkaji penukaran kod dalam kalangan pelajar Melayu Tingkatan Empat di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur mendapati bahawa terdapatnya kaitan antara tahap kecekapan berbahasa subjek dengan amalan penukaran kod. Selain itu, beliau mengesan bahawa pelajar kurang menguasai bahasa Inggeris lebih

cenderung menukar kod dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu semata-mata untuk tujuan kelancaran.

### **2.7.3 Penukaran Kod dalam Media**

Fenomena Penukaran Kod juga dapat dilihat dalam media. Media yang dimaksudkan adalah media cetak dan juga media elektronik. Media Elektrtonik khususnya, media penyiaran banyak melakukan fenomena penukaran kod. Ini adalah kerana media ini hanya mementingkan kandungan sesuatu pernyataan yang disampaikan supaya pendengar faham akan maksudnya tanpa mengambil kira aspek tatabahasa. ([www.lombalomba.com](http://www.lombalomba.com))

### **2.8 Ciri – ciri penukaran kod di Malaysia**

Pengkaji tempatan Teo Ai Chinn (2001), telah membincangkan ciri-ciri penukaran kod. Menurut beliau ciri-ciri penukaran kod yang utama adalah seseorang penutur berkebolehan menggunakan pelbagai bahasa atau dwibahasa. Hal ini membolehkan penutur tersebut mencampur banyak perkataan dan frasa dari bahasa yang lain sewaktu berkomunikasi. Misalnya seorang penutur asli bahasa Tamil yang berkebolehan bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris akan menukar kod sama ada ke dalam bahasa Tamil ke bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sewaktu berkomunikasi.

Ciri penukaran kod kedua yang telah dibincangkan oleh Teo Ai Chinn (2001), ialah kelicinan perbualan. Ini bermaksud, penutur dapat berbual dengan spontan dan mengekalkan kelicinan perbualan setiap kali percampuran kod berlaku. Selain itu tidak akan terdapat tanda-tanda bahawa penutur itu tidak memahami apa yang dituturnya.

Kadangkala percampuran kod berlaku kerana dipengaruhi oleh keadaan mahupun situasi yang tertentu.

Teo Ai Chinn (2001) juga menekankan bahawa bahasa-bahasa yang dicampurkan mestilah mirip walaupun ia tidak mempunyai kesamaan dalam ciri-cirinya. Hal ini kerana wujudnya keuniversal bahasa. Sekiranya terdapat ciri-ciri tertentu dalam sesuatu bahasa maka beberapa ciri-ciri universal akan beroperasi apabila bahasa-bahasa dicampuradukkan.

Teo Ai Chinn ( ibid) juga menjelaskan bahawa proses penukaran kod boleh berlaku antara bahasa-bahasa yang berbeza atau sama dalam satu rumpun bahasa. Antara bahasa yang tidak serupa dari segi genetik adalah seperti bahasa Tamil dari rumpun bahasa Dravida, bahasa Inggeris dari rumpun bahasa Indo – Eropah dan sebagainya. Manakala bahasa Tamil, bahasa Malayalam, bahasa Telugu dan bahasa Kannadam adalah dari rumpun bahasa yang sama. Bahasa-bahasa tersebut digolongkan dalam bahasa Dravidia.

Sehubungan dengan ini Paplock (1980), berpendapat bahawa fenomena penukaran kod berlaku dalam kalangan penutur secara tidak disedari. Ini bermaksud percampuran kod yang terjadi itu adalah di luar tahap kesedaran penutur sehingga bahasa yang digunakannya semasa komunikasi tidak menentukan ragamnya. Sebagai contoh , apabila seorang murid Tamil yang sedang bercakap dalam bahasa Tamil dengan rakan seketurunannya , tiba-tiba menukar kod ke dalam bahasa Inggeris. Maka secara tidak langsung pendengar jugamungkin akan turut menukar kod ke dalam bahasa Inggeris

untuk menjawab pertanyaan rakannya. Hal ini jelas membuktikan bahawa fenomena percampuran kod itu terjadi sewaktu komunikasi tanpa disedari atau tanpa dirancang oleh penutur.

Manakala Carol Myers-Scotton (1993), pula mengatakan bahawa bahasa-bahasa yang ditukar kod mempunyai dua fungsi yang berlainan. Fungsi pertama adalah sebagai bahasa wahana (*matrix language*) dan fungsi kedua pula ialah sematan (*embedded language*). Beliau mengerti penukaran kod seperti di bawah:

*“Code-switching is the selection by bilinguals or multilinguals of forms from an embedded language (or languages) in utterances of a matrix language during the same conversation. The matrix language is the main language in code switching utterances a number of ways, while the embedded has the lesser role. The general argument is that code switching is not qualitatively different from other naturally occurring of the matrix language.”*

Daripada penerangan yang diberikan oleh Carol Myers-Scotton (1993) dapatlah disimpulkan bahawa terdapat dua unsur bahasa dalam sesuatu ujaran penukaran kod. Unsur pertama yang menyampaikan makna atau isi utama dikenali sebagai unsur wahana. Manakala unsur yang kedua adalah unsur sematan yang berperanan menyampaikan isi sampingan.

Daripada pendapat-pendapat Teo Ai Chinn (2001), Poplack dan Carol Myers-Scotton (1993) kita boleh andaikan bahawa ciri-ciri asas penukaran kod ialah kebolehan dwibahasa, kelicinan perbualan, ciri keuniversal bahasa, hubungan genetik antara bahasa serta unsur wahana dan unsur sematan.

## 2.9 Fungsi-fungsi Dan Strategi Penukaran Kod

Pada lazimnya penutur menggunakan bahasa untuk beberapa fungsi tertentu. Begitu juga dalam fenomena penukaran kod, pengkaji dari luar negara mahupun tempatan telah menjalankan beberapa kajian mengenai fungsi atau strategi penukaran kod. Pengkaji-pengkaji seperti Gumperz (1997), Kachru (1983), Iliana Reyes (2004), Teo Kok Seong (1996), Karen Kow Yip Cheng (2003) , telah mengkaji fungsi dan strategi penukaran kod.

Gumperz (1977 : 14-18), menyenaraikan enam fungsi dalam penukaran kod. Keenam-enam fungsi tersebut ialah petikan, pesapa, kata seruan, pengulangan, kecekapan mesej, dan keperibadian lawan keobjektifan. Saranan Gumperz ini diakui oleh seorang lagi pengkaji linguistik iaitu Pacasio (1978). Beliau juga turut menambah dua fungsi penukaran kod yang tidak disenaraikan oleh gumperz. Iaitu pertanyaan lawan memberi maklumat dan ungkapan yang menggambarkan kesopanan.

Pertanyaan lawan memberi maklumat (*inquiri vs objectivization*) adalah digunakan untuk menukar kod bagi membezakan antara memberi maklumat atau menyoal. Manakala fungsi kedua iaitu ungkapan yang menggambarkan kesopanan (*expression of politeness*) berperanan menukar kod untuk menggambarkan kesopanan seseorang penutur melalui kod yang digunakan.

Tambahan pula pengkaji tempatan Zainab Mokhtar (2004 : 22), pula telah memperkenalkan dua lagi fungsi komunikasi penukaran kod dalam kajiannya sepertimana yang dinyatakan oleh Poplack (1988) dan Rayfield (1970). Fungsi

komunikasi penukaran kod pertama yang dinyatakan oleh Zainab Mokhtar (2004:22) adalah ungkapan kemudahan (*facility expression*). Fungsi komunikasi penukaran kod ini membolehkan penutur menyampaikan mesej atau meluahkan perasaan melalui ungkapan yang lebih ringkas, jitu dan lebih bermakna.

Fungsi komunikasi penukaran kod kedua yang dinyatakan oleh Zainab Mokhtar (2004:22) adalah perubahan dalam alat retorik. Fungsi komunikasi ini digunakan dalam banyak cara untuk memberi penekanan atau kesan tertentu yang istimewa dalam sesuatu ujaran seperti penekanan yang menandakan perbezaan (*emphasis to signify contrast*), sikap menghormati (*flagging of attitude*), pengelakkan tanda (*avoidance of marking*) dan penukaran topik (*change of topic*).

Ong Kin Suan (1990) telah mengkaji penukaran kod berdasarkan gabungan fungsi komunikasi yang digariskan oleh Gumperz (1972) dan Jakobson (1987). Kajian beliau juga melihat arah penukaran kod iaitu sama ada dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu atau sebaliknya. Beliau juga mengkaji kekerapan bahasa yang digunakan sewaktu penukaran kod. Hasil kajiannya didapati penutur yang mempunyai darjah kemahiran bahasa Inggeris yang rendah kerap melakukan penukaran kod berbanding dengan penutur yang mempunyai darjah kemahiran bahasa Inggeris yang tinggi. Ini disebabkan kerana, mereka yang kerap menukar kod bagi tujuan memperbaiki komunikasi serta memastikan kesinambungan kelancaran dalam sesuatu perbualan.

Karen Kow Yip Cheong (2003), telah menjalankan kajian dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Malaysia yang berumur antara empat hingga enam tahun. Beliau mendapati kanak-kanak menukar kod sebagai strategi komunikasi seperti orang dewasa. Namun dapat dikenal pasti bahawa kanak-kanak menggunakan strategi penukaran kod sebagai satu strategi yang inovatif. Karen mendapati bahawa kanak-kanak menukar kod untuk menyampaikan mesejnya dengan lebih efisien dan berkesan. Maka Karen(ibid) membuat kesimpulan bahawa kanak-kanak adalah penutur yang kreatif.

Satu lagi kajian penukaran kod yang melibatkan kanak-kanak telah dilakukan oleh Iliana (2004). Beliau menjalankan kajian terhadap perbualan kanak-kanak yang berumur antara tujuh hingga sepuluh tahun. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa kanak-kanak menukar kod kerana mereka lebih selesa menggunakan bahasa natif berbanding dengan bahasa lain terutamanya dalam aktiviti penyelesaian masalah dalam mata pelajaran sains. Kesannya murid yang kelas atasan menggunakan kecekapan dwibahasa yang diperolehi melalui rakan sebaya dan orang dewasa serta menjadi mahir dalam menggunakan penukaran kod.

Kesimpulannya, kebanyakan pengkaji yang mengkaji fungsi-fungsi penukaran kod berpendapat bahawa perlakuan penukaran kod adalah satu strategi yang memenuhi keperluan komunikasi penutur dwibahasa dan multibahasa. Fungsi-fungsi ini akan meningkat dari semasa ke semasa disebabkan fungsi-fungsi ini yang memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan sesuatu komunikasi.

## **2.10 Faktor-faktor yang mempengaruhi Penukaran Kod**

Ramai pengkaji luar dan tempatan telah membuat kajian mengenai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penukaran kod dalam kalangan penutur. Hasil kajian mereka merumuskan aspek-aspek di bawah sebagai faktor-faktor penukaran kod :-

- i) Faktor sosial dan Dimensi sosial.
- ii) Faktor Situasi
- iii) Faktor mengikut keperluan dan kesesuaian
- iv) Faktor pengaruh dialek
- v) Faktor identiti kawasan

### **2.10.1 Faktor Sosial**

Teo Ai Chin (2001), mengatakan faktor sosial dan dimensi sosial mempengaruhi berlakunya penukaran kod. Aspek-aspek sosial seperti taraf pendidikan, status, umur, jantina, persekitaran, tempat kerja, topik perbualan dan masyarakat dwibahasa mempengaruhi perlakuan penukaran kod. Dimensi sosial seperti jarak sosial, status peserta, formaliti setting atau jenis interaksi dan fungsi efektif sesuatu topik. Tambah beliau faktor budaya, sistem pendidikan negara, aktiviti peminjaman bahasa juga mempengaruhi perlakuan penukaran kod.

### **2.10.2 Faktor Situasi**

Maya Khemlani David (2003), telah menjalankan satu kajian tentang peranan dan fungsi penukaran kod dalam mahkamah di Malaysia. Beliau merumuskan perkara-

perkara di bawah sebagai hasil faktor perlakuan kod di mahkamah Malaysia.

- i) Faktor Kecekapan terhad dalam sesuatu bahasa
- ii) Faktor Pemilihan bahasa mengikut penutur berlainan
- iii) Faktor strategi komunikasi
- iv) Faktor istilah teknikal

Menurut beliau penukaran kod wujud kerana disebabkan faktor situasi seperti merujuk kepada orang yang bercakap dan respondennya. Tambah beliau lagi, situasi lain yang mendorong perlakuan penukaran kod adalah faktor metafóra dan pragmatik seperti memberi arahan, mengajuk seseorang, memberi penekanan dan terutamanya dalam setting di mahkamah. Penukaran kod di mahkamah Malaysia juga adalah bertujuan sebagai strategi komunikasi yang mendesak saksi ataupun yang tertuduh memberi keterangan yang diperlukan. Oleh yang demikian, Maya Khelmani menyimpulkan bahawa percampuran kod di mahkamah Malaysia adalah bertujuan mencapai sesuatu tahap strategi dan matlamat profesional.

### **2.10.3 Faktor Mengikut Keperluan dan Kesesuaian**

Seseorang penutur menukar kod mengikut keperluan dan kesesuaian. Faktor ini dibuktikan oleh pengkaji tempatan Jariah Mohd. Jan (2003). Beliau telah menjalankan

kajian terhadap beberapa orang dewasa yang bekerja dalam situasi rasmi. Beliau mendapati bahawa peserta mempunyai kuasa menukar kod dengan sebab memberi penekanan pada arahannya dan juga untuk menunjukkan status sosialnya. Beliau berpendapat bahawa penukaran jenis ini sebagai alat kuasa orang atasan dalam urusan pentadbiran.

#### **2.10.4 Faktor Pengaruh Dialek**

Teo Kok Seng (1996), mendapati bahawa pengaruh dialek juga menjadi faktor penukaran kod. Kajian yang dilakukan oleh beliau terhadap masyarakat minoriti Kelantan menunjukkan kewujudan pengaruh bahasa Melayu dialek Kelantan dalam bahasa ibunda Cina peranakan Kelantan. Beliau mendapati situasi adalah disebabkan kesan proses asimilasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat peranakan Cina di Kelantan. Beliau juga mendapati bahawa wujudnya persamaan struktur frasa nama dan susunan leksikal dalam pembinaan frasa antara bahasa Melayu dialek Kelantan dengan bahasa Cina peranakan Kelantan.

#### **2.10.5 Faktor Identiti Kawasan**

Menurut Zuraidah Mohd.Don (2003:21-38), penukaran kod juga dilakukan atas sebab menunjukkan identiti kawasan dan keanggotaan sesuatu kumpulan. Beliau menjalankan kajian mengenai fenomena penukaran kod antara bahasa Melayu Standard dan dialek Kelantan mendapati bahawa penutur Kelantan menukar kod kerana berasa selesa menggunakan dialek mereka apabila berbual dengan orang setempatnya dan menukar

kod ke bahasa Melayu apabila bertutur dengan orang luar. Keadaan ini menjadi salah satu faktor kepada perlakuan penukaran kod.

Berdasarkan kepada pandangan pengakaji dapat disimpulkan bahawa kewujudan fenomena penukaran kod adalah disebabkan penutur mempunyai kebolehan berbahasa lebih dari satu bahasa. Ini ditambah dengan desakan beberapa faktor sosial yang mendorong kepada fenomena perlakuan kod.

### **2.11 Kesimpulan**

Bab ni telah menerangkan tentang penukaran kod dari perspektif linguistik dan sosiolinguistik. Juga telah membincangkan tentang pendapat pengakaji-pengkaji yang telah menjalankan kajian terhadap fenomena perlakuan penukaran kod dan juga ciri-ciri dan faktor-faktor berlakunya penukaran kod.

Sebagai kesimpulannya, kebanyakan pengakaji merumuskan bahawa penukaran kod yang berlaku dalam masyarakat dwibahasa ataupun polibahasa atas beberapa sebab yang tertentu. Umumnya, fenomena percampuran kod adalah salah satu strategi komunikasi perbualan bagi memenuhi keperluan komunikasi dalam kalangan masyarakat multilingual. Tinjauan Literatur ini dapat memberikan gambaran yang jelas dan luas kepada pengakaji mengenai bidang penukaran kod.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**